

INTEGRASI MODEL *TEACHING GAMES FOR UNDERSTANDING* DAN
INQUIRI DALAM PEMBINAAN MODEL PENGAJARAN
PENDIDIKAN JASMANI

SYAMSUAR BIN ABBAS

Tesis ini dikemukakan sebagai imemenuhi
Syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

SEPTEMBER 2017

DEDIKASI

*Khasi Buat Kedua Orang Tua, Terima Kasih di Atas Segala
Penghormatan Dan Kesabarannya*

*Untuk adik beradik tersayang
Terima kasih atas doa kalian semua
Semangat yang ditiupkan terlalu bermakna buat diriku*

*Buat anak-anakku, moga ikhtiar ini
Dapat menjadi tauladan bagi kalian semua
Agar berjaya di dunia dan akhirat*

*Buat sahabat dan rakan-rakan yang telah banyak membantu
Hingga selesainya kajian ini dengan baik*

*Allah SWT jua yang membalas segala budi baik dan jasa
Kalian semua. Amin*

PENGHARGAAN

Pertama sekali, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke Hadrat Allah SWT karena dengan limpah karunia, keizinan dan inyah-Nya, kajian *Integrasi Model Teaching Games for Understanding (TGFU) dan Inquiri dalam Pembinaan Model Pengajaran Pendidikan Jasmani* ini dapat disiapkan dan disempurnakan. Selawat dan salam ke atas Nabi junjungan tercinta Muhammad SAW yang senantiasa dirindui membawa rahmat ke serata alam.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Zainal Abiddin Zainuddin yang tidak jemu memberi bimbingan, tunjuk ajar teguran dan nasihat kepada saya dari mula sehinggalah kajian ini selesai, hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalasnya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada semua pensyarah UTM yang telah banyak memberikan ilmu dan panduan di sepanjang pengajian saya ini. Tanpa kemurahan hati tuan-tuan semua, mungkin sukar bagi saya untuk mencapai ke tahap ini.

Terima kasih juga saya tujukan pihak pentadbir dan guru-guru yang sudi meluangkan masa untuk menjajdi responden dalam kajian saya ini. Penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

Akhir sekali, kepada rekan seperjuangan yang telah bersama-sama mengharungi segala suka duka sepanjang proses pembelajaran ini. Buat keluarga yang senantiasa memahami dan banyak memberi dorongan terutamanya anak-anak tercinta yang banyak memberikan motivasi, rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang telah terlibat membantu saya menyempurnakan kajian ini. Bersamalah kita memanjatkan doa ke hadirat Allah SWT agar menjadikan segala apa yang kita sama-sama lakukan dan sumbangan ini sebagai amal soleh yang amat bermakna kepada kehidupan dunia dan akhirat.

ABSTRAK

Pelbagai usaha kearah pementapan pendidikan jasmani di sekolah rendah telah dibuat melalui pelaksanaan model pembelajaran *Teaching Games for Understanding* (TGfU) dan model Inkuiri di kabupaten Padang Pariaman. Antara aspek yang diberikan penekanan dalam pendidikan jasmani adalah penguatan motivasi dan kecergasan fizikal. Adalah penting untuk merekodkan kekuatan dan kelemahan kedua-dua model yang dilaksanakan guru pendidikan jasmani di sekolah rendah. Perkara tersebut dapat dijadikan sebagai rujukan untuk penambahbaikan disamping mengembangkan model integrasi yang disebut sebagai model integrasi pembelajaran SyamsuaR Indonesia (SRI). Kajian ini menganalisis motivasi pembelajaran pelajar dan prestasi kecergasan fizikal pelajar selain membangunkan model integrasi berdasarkan model TGfU dan Inkuiri. Kaedah pemerhatian kuantitatif dan rekabentuk perbandingan digunakan bagi pengumpulan data. 10 orang guru dari tiga sekolah rendah Padang Pariaman dipilih dan dilatih menjalankan rekabentuk model integrasi dalam pengajaran pendidikan jasmani. 76 orang pelajar gred lima sekolah rendah telah terlibat dalam kajian bagi tujuan perbandingan keberkesanan model-model pengajaran berdasarkan empat sub pemboleh ubah motivasi dan lima sub pemboleh ubah kecergasan fizikal. Dapatan kajian perbandingan diperolehi menggunakan statistik inferensi ujian-t tak bersandar. Dapatan kajian bagi pemerhatian yang menggunakan skala Likert lima mata menunjukkan bahawa model integrasi lebih berkesan terhadap penambahbaikan motivasi pelajar dibanding model TGfU dan model Inkuiri. Capaian kecergasan fizikal melalui model integrasi juga lebih baik berbanding melalui model TGfU dan model Inkuiri. Dapatan kajian perbandingan daripada model integrasi yang dibangunkan bagi motivasi pelajar dan prestasi kecergasan fizikal adalah lebih signifikan daripada dapatan model TGfU dan model Inkuiri. Berdasarkan dapatan kajian, model integrasi tersebut boleh dijadikan sebagai garis panduan untuk membantu para guru pendidikan fizikal sekolah rendah kabupaten Padang Pariaman memahami aspek-aspek penting. Selanjutnya, dapatan kajian dapat digunakan bagi memantapkan model integrasi tersebut untuk mencapai matlamat pembelajaran pendidikan fizikal yang lebih baik bagi pelajar selain menjadikan mereka lebih bermotivasi dan berprestasi dalam ujian kecergasan fizikal.

ABSTRACT

Some efforts towards strengthening physical education in primary schools have been made through the implementation of Teaching Games of Understanding (TGfU) model, and Inquiry model in Padang Pariaman district. Among the aspects emphasized in physical education are the strengthening of motivation and physical fitness. It is crucial to record evidence of the strengths and weaknesses of both models applied by the physical education teachers in primary schools. This can be used as a reference for improvements besides developing an integration model called the education integration model of SyamsuaR Indonesia (SRI). The study analysed students' learning motivation and physical fitness performance besides developing an integration model based on TGFU and Inquiry models. Quantitative observational methods and comparative designs were implemented for data collection. 10 Indonesian teachers from three primary schools of Padang Pariaman were selected and trained to apply the integration model design during the development of the physical education learning model. 76 fifth grade students were involved in the study to compare the effectiveness of teaching models based on 4 sub-variables of motivation, and 5 sub-variables of physical fitness. The comparative results were derived from inferential statistics of an independent t-test. Findings of the observation using 5 point Likert scale showed that the integration model is more effective on the improvement of students' motivation than TGFU model and Inquiry. The physical fitness performance of Integration model was also better than TGFU model and Inquiry. The comparative results of the developed integration model toward students' motivation and physical fitness performance were more significant than the results of TGFU and Inquiry models. Based on the findings, the integration model could serve as a guide to help elementary school teachers of Padang Pariaman understand key aspects. Furthermore, the findings can be used to strengthen the integration model to achieve higher level educational learning goals for students as well as to get them motivated and perform better in their physical fitness assessment.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SINGKATAN	xix
	SENARAI SIMBOL	xx
	SENARAI LAMPIRAN	xxi
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Hipotesis Kajian	11
	1.7 Kepentingan Kajian	11
	1.8 Batasan Kajian	13
	1.9 Kerangka Konseptual	14
	1.10 Definisi Operasional	15

2	SOROTAN KAJIAN	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Pendahuluan	17
2.3	Motivasi	18
2.3.1	Definisi Motivasi	18
2.3.3	Unsur-unsur yang mempengaruhi motivasi	22
2.4	Pendidikan Jasmani	23
2.4.1	Konsep Kecergasan Fizikal	26
2.4.2	Kepentingan Kecergasan Fizikal	28
2.4.3	Fungsi Kecergasan Fizikal	29
2.4.4	Elemen Kecergasan Fizikal	31
2.5	Model Pembelajaran	32
2.5.1	Model Kooperatif <i>Team Games Tournament</i>	33
2.5.2	Model Pembelajaran Teaching Games For Understanding (TGUFU)	32
2.5.3	Model <i>Inquiri</i>	43
2.6	Kajian lepas Kecergasan Fizikal dan Motivasi model TGUFU dan <i>Inquiri</i>	47
3	METODOLOGI KAJIAN	49
3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	49
3.2.1	Lokasi Penyelidikan	53
3.2.2	Jangka Masa Kajian	55
3.3	Populasi dan Sampel	56
3.3.1	Populasi Kajian	56
3.3.2	Sampel Kajian	56
3.3.3	Subjek Kajian Fasa Pertama	57
3.3.4	Subjek Kajian Fasa Kedua	59
3.3.5	Subjek Kajian Fasa Ketiga	62
3.4	Data dan Sumber Data	63
3.5	Instrumen Kajian	64
3.5.1	Instrumen Fasa Pertama	65

3.5.2	Instrumen Fasa Kedua	66
3.5.3	Instrumen Fasa Ketiga	68
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	68
3.7	Kajian Rintis	72
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	73
3.8.1	Kesahan Soal Selidik Motivasi	74
3.8.2	Kesahan Protokol Temubual	76
3.8.3	Kebolehpercayaan Soal Selidik Motivasi	77
3.9	Analisis Data	78
3.9.1	Analisis Kualitatif	78
3.9.2	Analisis Kuantitatif	80
3.10	Rumusan	82
4	ANALISA DATA	83
4.1	Pengenalan	83
4.2	Kesan Motivasi terhadap Pelaksanaan Pembelajaran TGFU dan Inquiri di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	84
4.2.1	Analisis Deskriptif Kesan Motivasi terhadap pelaksanaan Model TGFU	86
4.2.2	Analisis Deskriptif Kesan Motivasi terhadap pelaksanaan Model Inquiri	88
4.3	Kesan Kecergasan Fizikal terhadap Pelaksanaan Pembelajaran TGFU dan Inquiri di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	92
4.3.1	Analisis Deskriptif Kesan Kecergasan Fizikal terhadap pelaksanaan Model TGFU	92
4.3.2	Analisis Deskriptif Kesan Kecergasan Fizikal terhadap pelaksanaan Model Inquiri	97
4.4	Analisis Kekuatan dan Kelemahan Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran TGFU dan Inquiri di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	102
4.4.1	Analisis Kekuatan dan Kelemahan Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran TGFU	102
4.4.2	Analisis Kekuatan dan Kelemahan Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Inquiri	109
4.5	Pembentukan Model integrasi pembelajaran SRI untuk Penambahbaikan Model TGFU dan Inquiri	113

4.5.1	Pelan	113
4.5.2	Kajian Awal	114
4.5.3	Refleksi permasalahan yang dihadapi guru	130
4.5.4	Model Reka Bentuk Model integrasi pembelajaran SRI	140
4.5.5	Kelebihan Model SRI Yang Dibangunkan	145
4.5.6	Pelaksanaan Bahan Pembelajaran	146
4.5.7	Pemanfaatan Media Pengajaran	147
4.5.8	Pematuhan Reka Bentuk Pembelajaran	148
4.5.9	Produk Akhir	151
4.5.10	Validasi Pengembangan RPP Model Pembelajaran SRI	155
4.6	Analisis Deskriptif Kesan Motivasi terhadap Pelaksanaan Model integrasi pembelajaran SRI di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	166
4.6.1	Analisis Deskriptif Elemen-Elemen Motivasi Pelajar pada Pelaksanaan Model integrasi pembelajaran SRI di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	169
4.7	Analisis Deskriptif Kesan Kecergasan Fizikal terhadap Pelaksanaan Model integrasi pembelajaran SRI	171
4.7.1	Analisis Deskriptif Elemen-Elemen Kecergasan Fizikal Pelajar pada Pelaksanaan Model Pembelajaran SRI di Sekolah Rendah	173
4.8	Mengenal Pasti Perbezaan Kesan Motivasi Pelajar Kelas Rendah Antara Model yang dikaji	175
4.8.1	Ujian Normaliti Data Motivasi Model Pembelajaran TGFU, Inquiri dan SRI	175
4.8.2	Ujian Homogeniti Data Motivasi Model Pembelajaran TGFU, Inquiri dan SRI	176
4.8.3	Hipotesis 1 Terdapat Perbezaan Kesan Motivasi Pelajar Model TGFU dan SRI	177
4.8.4	Hipotesis 2 Terdapat Perbezaan Kesan Motivasi Pelajar Model Inquiri dan SRI	178
4.9	Mengenal Pasti Perbezaan Kesan Kecergasan Fizikal Pelajar Kelas Rendah Antara Model yang Dikaji	179

4.9.1	Ujian Normaliti Data Kecergasan Fizikal Model Pembelajaran TGFU, Inquiri dan SRI	179
4.9.2	Ujian Homogeniti Data Kecergasan Fizikal Model Pembelajaran TGFU, Inquiri dan SRI	180
4.9.3	Hipotesis 3 Terdapat Perbezaan Kesan Kecergasan Fizikal Pelajar Model TGFU dan SRI	180
4.9.4	Hipotesis 4 Terdapat Perbezaan Kesan Kecergasan Fizikal Pelajar Model Inquiri dan SRI	181
4.10	Penutup	182
5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	185
5.1	Pengenalan	185
5.2	Rumusan Temuan	186
5.3	Model Pembelajaran TGFU	188
5.3.1	Kesan Motivasi Model Pembelajaran TGFU	188
5.3.2	Kesan Kecergasan Fizikal Model TGFU	195
5.3.3	Kesan Motivasi Model Pembelajaran Inquiri	205
5.3.4	Kesan Kecergasan Fizikal Model Inquiri	212
5.4	Kekuatan dan Kelemahan TGFU dan Inquiri	219
5.5	Model Integrasi Pembelajaran SRI	222
5.6	Kesan Motivasi Model Integrasi Pembelajaran SRI	227
5.6.1	Kesan Motivasi Model Integrasi Pembelajaran SRI Elemen Minat Belajar	227
5.6.2	Kesan Motivasi Model Integrasi Pembelajaran SRI Elemen Rajin dan Kesungguhan	230
5.6.3	Kesan Motivasi Model Integrasi Pembelajaran SRI Elemen Rasa Keingintahuan	232
5.6.4	Kesan Motivasi Model Integrasi Pembelajaran SRI Elemen Semangat Belajar dan Berlatih	237
5.7	Kesan Kecergasan Fizikal Model Integrasi Pembelajaran SRI	242
5.7.1	Kesan Kecergasan Fizikal Model Integrasi Pembelajaran SRI Elemen Lari 40 Meter	242
5.7.2	Kesan Kecergasan Fizikal Model Integrasi Pembelajaran SRI Elemen <i>Pull Up</i>	245
5.7.3	Kesan Kecergasan Fizikal Model Integrasi Pembelajaran SRI Elemen <i>Sit Up</i> 30 saat	246

5.7.4	Kesan Kecergasan Fizikal Model Integrasi Pembelajaran SRI Elemen Loncat Tegak	248
5.7.5	Kesan Kecergasan Fizikal Model Integrasi Pembelajaran SRI Elemen Lari 60 Meter	250
5.8	Perbandingan Kesan Model Pembelajaran	252
5.8.1	Perbezaan Kesan Motivasi Model Pembelajaran SRI keatas Model TGFU dan Inquiri	252
5.8.2	Perbezaan Kesan Kecergasan Fizikal Model Pembelajaran SRI keatas Model TGFU dan Inquiri	268
5.8.3	Kesimpulan Keputusan	266
5.9	Implikasi Kajian	268
5.10	Cadangan Kajian Masa Depan	274
5.11	Penutup	275
	RUJUKAN	278
	Lampiran A – O	290-349

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
3.1	Senarai Masa Penyelidikan	55
3.2	Subjek Penyelidikan	57
3.3	Uji Kesahihan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Motivasi Pelajar Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	75
3.4	Uji Kesahihan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Motivasi Pelajar Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	77
4.1	Tahapan Motivasi Pelajar Lepas Mengikuti Model Pembelajaran TGFU Satu Kajian di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	85
4.2	Kekerapan Motivasi Pelajar dengan model TGFU di Sekolah Rendah Kab. Padang Pariaman	87
4.3	Tahapan Motivasi Pelajar Selepas Mengikuti Model Pembelajaran Inquiri Satu Kajian di Sekolah Rendah di Kabupaten Padang Pariaman	89
4.4	Kekerapan Motivasi Pelajar dengan model Inquiri di Tiga Sekolah Rendah Kab. Padang Pariaman	91
4.5	Skor Kecergasan Fizikal Pelajar Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman Selepas Mengikuti Pembelajaran Model TGFU	93
4.6	Tahapan Kecergasan Fizikal Selepas Mengikuti Model Pembelajaran TGFU Satu Kajian di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	95

4.7	Tahapan Indikator UKFI Pelajar Selepas Mengikuti Model Pembelajaran TGFU Satu Kajian di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	96
4.8	Skor Kecergasan Fizikal Pelajar Sekolah Rendah Kab. Padang Pariaman Selepas Mengikuti Pembelajaran Model Inquiri	97
4.9	Tahapan Kecergasan Fizikal Selepas Mengikuti Model Pembelajaran Inquiri Satu Kajian di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	100
4.10	Capaian Indikator Ujian Kecergasan Fizikal Pelajar (UKFI) Sekolah Rendah Kab. Padang Pariaman Model Inquiri	101
4.11	Persepsi Guru Apabila Menerima Tugas Pengajaran	116
4.12	Matlamat Pembangunan Pelan Pelajaran	116
4.13	Pendapat Guru Mengenai Aspek Pembangunan Rancangan Pengajaran	117
4.14	Pendapat Guru tentang Aktiviti Pengajaran yang Dijalankan	118
4.15	Sebab Pelajar tidak Suka Pelajaran Pendidikan Jasmani	121
4.16	Pendapat Pelajar tentang Guru mereka di dalam bilik darjah	122
4.17	Pendapat-pendapat pelajar tentang Aktiviti Fizikal di Sekolah	123
4.18	Pendapat Pelajar Terhadap Aktiviti Fizikal Dalam Pembelajaran Pendidikan Jasmani di Sekolah	123
4.19	Latihan Aktiviti Fizikal Pelajar di Rumah	124
4.20	Tugas-tugas yang Memerlukan Ketangkasan Fizikal	124
4.21	Perbezaan Pendapat dalam Membuat Keputusan	125
4.22	Persepsi Guru Tentang Objektif Mengajar	126
4.23	Pendapat Guru tentang Tugas Mengajar	126
4.24	Kecekapan Standard dan Asas Kecekapan Pendidikan Jasmani Grade V Semester I	150
4.25	Produk akhir Model integrasi pembelajaran SRI Dibangunkan pada Bentuk Rancangan Pengajaran Standard dan Asas Kecekapan Pendidikan Jasmani Grade V	152
4.26	Keputusan Ujian Validasi Produk Pembangunan RPP Kecergasan Fizikal Model integrasi pembelajaran SRI	156
4.27	Keputusan Ujian Produk RPP Kecergasan Fizikal dengan Model integrasi pembelajaran SRI	158
4.28	Keputusan Ujian Validasi Pembangunan Produk RPP Model Integrasi Pembelajaran SRI oleh Pakar Metode Pembelajaran	161

4.29	Semakan Produk Berdasarkan Cadangan daripada Guru Kecergasan Fizikal	164
4.30	Semakan Produk Berdasarkan Cadangan daripada Pakar Pendidikan Jasmani	165
4.31	Semakan Produk Berdasarkan Cadangan daripada Pakar Metode Pembelajaran	166
4.32	Semakan Produk RPP kecergasan fizikal Model Integrasi Pembelajaran SRI	166
4.33	Tahapan Motivasi Pelajar Selepas Mengikuti Model Integrasi Pembelajaran SRI Satu Kajian di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	167
4.34	Kekerapan Motivasi Pelajar dengan model Integrasi Pembelajaran SRI di Tiga Sekolah Rendah Kab. Padang Pariaman.	169
4.35	Keputusan Skor Kecergasan Fizikal Pelajar Selepas Mengikuti Kaedah Pembelajaran SRI di Sekolah Rendah Padang Pariaman	171
4.36	Tahapan Kecergasan Fizikal Selepas Mengikuti Model Integrasi Pembelajaran SRI Satu Kajian di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	173
4.37	Tahapan Indikator UKFI Pelajar Selepas Mengikuti Model Integrasi Pembelajaran SRI Satu Kajian di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	174
4.38	Uji Normaliti Skor Motivasi Model TGFU, Inquiri dan SRI di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	176
4.39	Keputusan Ujian Kehomogenan Varian Data Motivasi Model TGFU, Inquiri dan SRI di Sekolah Rendah	176
4.40	Perbandingan Kesan Motivasi Model TGFU dan Model integrasi pembelajaran SRI di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	177
4.41	Perbandingan Kesan Motivasi Model Inquiri dan Model Integrasi Pembelajaran SRI di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	178
4.42	Uji Normaliti Skor Kecergasan Fizikal Model TGFU, Inquiri dan SRI di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	179
4.43	Keputusan Ujian Kehomogenan Varian Data Kecergasan Fizikal Model TGFU, Inquiri dan SRI di Sekolah Rendah	180
4.44	Perbandingan Kesan Kecergasan Fizikal Model TGFU dan Model integrasi pembelajaran SRI di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	181

4.45	Perbandingan Kesan Kecergasan Fizikal Model Inqiri dan Model integrasi pembelajaran SRI di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman.	182
5.1	Perbandingan Kesan Motivasi Pelajar Model Integrasi Pembelajaran SRI keatas TGFU dan Inquiri Satu Kajian di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	252
5.2	Perbandingan Kesan Kecergasan Fizikal Pelajar Model Integrasi Pembelajaran SRI keatas TGFU dan Inquiri Satu Kajian di Sekolah Rendah Kabupaten Padang Pariaman	259
5.3	Linear Peningkatan Motivasi dan Kecergasan Fizikal Antara Ketiga Model Pembelajaran Yang Diujikan	267

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
1.1	Langkah-langkah Penyelidikan	14
2.1	Perpaduan Pembelajaran	27
2.2	Highlight Pembelajaran Aktif Kesegaran Fizikal (AAADERD, 1999)	33
2.3	Model Pengajaran TGfU	40
3.1	Kerangka Konseptual	50
4.1	Elemen Motivasi Keputusan Model TGfU: Satu Kajian di Sekolah Rendah Negeri Daerah Padang Pariaman	86
4.2	Elemen Motivasi Keputusan Model Inquiri: Satu Kajian di Sekolah Rendah Negeri Daerah Padang Pariaman	90
4.3	Elemen Kecergasan Fizikal: Model TGfU Satu Kajian di Sekolah Rendah Negeri Daerah Padang Pariaman	96
4.4	Elemen Kecergasan Fizikal: Model Inquiri Satu Kajian di Sekolah Rendah Negeri Daerah Padang Pariaman	102
4.5	Tahapan Model integrasi pembelajaran SRI dengan Pendekatan Sainifik Taktikal pada Pembelajaran Kecergasan Fizikal	140
4.6	Elemen Motivasi Keputusan Model integrasi pembelajaran SRI: Satu Kajian di Sekolah Rendah Negeri Daerah Padang Pariaman	168

4.7	Elemen Kecergasan Fizikal: Satu Kajian di Sekolah Rendah Negeri Daerah Padang Pariaman	174
5.1	Perbandingan Elemen Motivasi Model integrasi pembelajaran SRI keatas Model Pembelajaran TGfU dan Inquiri di Sekolah Rendah Negeri daerah Padang Pariaman	253
5.2	Perbandingan Elemen Kecergasan Fizikal Model integrasi pembelajaran SRI keatas Model PembelajaranTGfU dan Inquiri di Sekolah Rendah Negeri Daerah Padang Pariaman	260

SENARAI SINGKATAN

V	-	(Value) Nilai
Jml	-	Jumlah
TV	-	(Total Value) Total Nilai
Qty	-	Kualiti
B	-	Baik
BS	-	Baik Sekali
S	-	Sederhana
K	-	Kurang
KS	-	Kurang Sekali
SRI	-	SyamsuaR Indonesia
TGFU	-	Teaching Games for Understanding
UKFI	-	Ujian Kecergasan Fizikal Indonesia
SR	-	Sekolah Rendah
Diknas	-	Dinas Pendidikan Nasional
RPP	-	Rencana Pelaksanaan Pembelajaran
SPSS	-	Statistical Package for The Social Science

SENARAI SIMBOL

&	-	Dan
Df	-	<i>Degree of Freedom</i>
F	-	Frekuensi
±	-	LebihKurang
A	-	Nilai Alpha
%	-	Peratus
=	-	Sama dengan

SENARAI LAMPIRAN

NO	TAJUK	MUKA SURAT
A	Soal Selidik Motivasi	290
B	Soal Selidik Untuk Guru	291
C	Soal Selidik Untuk Siswa	294
D	Data Motivasi Model TGFU	296
E	Data Motivasi Model Inquiri	304
F	Data Motivasi Model SRI	312
G	Data Kecergasan Fizikal Model TGFU	320
H	Data Kecergasan Fizikal Model Inquiri	324
I	Data Kecergasan Fizikal Model SRI	328
J	Ujian Kesahihan Soal Selidik Motivasi	332
K	Ujian Normaliti	333
L	Ujian Hipotesis	334
M	Soal Selidik	339
N	Tabulasi Validasi	341
O	Prosedur Pemarkahan Ujian Kecergasan Fizikal Indonesia	344

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem Pendidikan di Indonesia mengalami banyak perubahan bagi mempertingkatkan dan memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran pendidikan. Perubahan tersebut memberi implikasi kepada penambahbaikan kurikulum, pemantapan kaedah dan teknik mengajar, pengenalan program pengukuhan dan peningkatan profesionalisme guru. Secara umum, struktur organisasi kurikulum pendidikan jasmani adalah berteraskan kepada kesepaduan ilmu teori dan latihan fizik serta permainan dan taktikal dalam memenangkan kompetisi sukan. Pelbagai pihak perlulah memberikan perhatian yang serius berkenaan dengan motivasi dan kecergasan fizikal di kalangan murid. Ini kerana motivasi dan kecergasan fizikal merupakan faktor penentu keberjayaan murid dalam menguasai materi dan praktek.

Pembangunan insan yang sehat dan bugar dikehendaki dalam pendidikan jasmani meliputi pembangunan kognitif dan psikomotor. Sebagaimana unsur kognitif mempunyai tuntutan dan keperluan yang perlu dipenuhi, maka begitu juga unsur jasmani yang mempunyai tuntutan dan keperluan yang sesuai dengan kecergasan fizikal seseorang yang mampu melaksanakan tugas dengan tanggung jawab penuh tanpa keletihan dan tetap semangat (Ikhsan 1988). Kecergasan fizikal merupakan

aspek fizikal secara keseluruhan (*Total Gym*), yang menyediakan keupayaan bagi seseorang untuk menjalankan kehidupan yang produktif yang boleh menyesuaikan diri dengan setiap tekanan fizikal. Dalam kes ini, kecergasan fizikal bermakna keupayaan badan seseorang untuk melaksanakan tugas dalam kehidupan tanpa mengalami keletihan dan mempunyai tenaga untuk menangani kecemasan yang datang dari semasa ke semasa (Wong, 2004). Dalam erti kata lain, kecergasan fizikal adalah gambaran keseluruhan fungsi badan dari sistem yang terlihat pada aktiviti fizikal manusia. Kecergasan fizikal boleh dicapai melalui adanya motivasi yang tinggi dari pelajar untuk melakukan latihan secara intensif. Motivasi adalah faktor yang boleh meningkatkan kualiti pembelajaran kerana adanya kesungguhan pelajar mengikuti pelajaran. Konsep motivasi adalah keinginan pelajar yang boleh mendukung, dan mengarahkan pelajar tersebut untuk terus semangat mengikuti aktiviti pembelajaran. Tingginya motivasi akan berkesan pada peningkatan kecergasan fizikal yang diperolehi pelajar. Atas kesedaran inilah pihak sekolah rendah dan Kementerian Pendidikan Indonesia telah memperkenalkan Model TGFU dan Inquiri bagi tujuan meningkatkan motivasi dan kecergasan fizikal pelajar kelas rendah. Aktiviti kedua model ini masih belum mampu mengatasi rendahnya motivasi pelajar kelas rendah di daerah Padang Pariaman. Untuk itu perlu pengembangan model alternatif yang dapat digunakan untuk mengatasi masalah motivasi dan kecergasan fizikal murid kelas rendah melalui pengembangan model pembelajaran baru yang diharapkan mampu menarik minat murid untuk mengikuti pendidikan jasmani dengan semangat dan seterusnya giat berlatih dan diharapkan boleh meningkatkan kecergasan fizikal pelajar.

Model TGFU dan Inquiri telah dilaksanakan pada tahun 2011 dan program ini telah berjalan untuk tempoh lima tahun. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan motivasi model pembelajaran TGFU dan Inquiri ke atas Model Integrasi Pembelajaran SyamsuaR Indonesia (SRI) yang dibangunkan untuk penambahbaikan motivasi dan kecergasan pelajar sekolah rendah di daerah Padang Pariaman. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat kekuatan dan kelemahan Model TGFU dan Inquiri sebagai asas untuk pembentukan model pembelajaran yang baru.

1.2. Latar Belakang

Pendidikan adalah keperluan asas untuk meningkatkan kualiti manusia. Sengaja atau tidak pendidikan telah membuat perubahan kepada pembangunan negara, sama ada dalam bidang sains mahupun teknologi. Semua warganegara Indonesia mempunyai hak dan status yang sama untuk mendapatkan pendidikan. Ini adalah selari dengan Perlembagaan 1945, Perkara 31, Perenggan 1, yang menyatakan bahawa "Setiap warganegara mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan". Ringkasnya, pendidikan pada asasnya dipengaruhi secara sedar untuk membangunkan personaliti fizikal dan rohani individu untuk mencapai tahap yang lebih tinggi dan menjadi manusia dewasa yang bertanggungjawab.

Matlamat pendidikan negara, menurut undang-undang No. 20 Dalam Perkara 3 tahun 2003: "Untuk pembangunan pelajar menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, yang mulia, sihat, berilmu, berkemahiran, kreatif, bebas, dan menjadi warganegara yang demokratik dan bertanggungjawab". Jadi setiap institusi pendidikan harus dapat menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti, supaya matlamat negara dalam kehidupan intelektual negara dapat direalisasikan secara menyeluruh.

Salah satu mata pelajaran pada pendidikan rendah dan menengah adalah pendidikan jasmani. Pendidikan jasmani adalah satu proses pendidikan yang menggunakan aktiviti fizikal untuk melahirkan perubahan holistik dalam kualiti individu, baik dari segi fizikal, mental, dan emosi. Mata pelajaran ini bukan untuk mengejar prestasi sahaja tetapi untuk memberi dorongan kepada murid supaya aktif bermain (Cholik. 1997). Selain itu dalam konteks hubungan antara Pendidikan Jasmani dan pendidikan formal, pendidikan jasmani merupakan penyumbang besar kepada proses asimilasi individu ke dalam masyarakat (de Vries, 1995). Fletcher (1965, dalam Teng Boon Tong, 2001) dalam bukunya *Frobel's Chief Writing on Education*, menegaskan bahawa melalui pendidikan jasmani, kanak-kanak dapat mencuba sesuatu kegiatan dan pengalaman, dimana lama kelamaan akan membawa kepada perkembangan fizikal, intelek, sosial dan sebagainya. Pendapat ini dinyatakan sebelumnya oleh Lowenfeld (1953, dalam Teng Boon Tong, 2001),

seorang ahli psikologi dalam bukunya, *Play In Childhood*, Beliau menerangkan bahawa kegiatan-kegiatan pendidikan jasmani membantu menyuburkan perkembangan diri seseorang. Tujuan tersebut tidak akan tercapai jika murid-murid menerima pelajaran secara pasif sahaja, maksudnya perlu pembelajaran yang boleh meningkatkan motivasi pelajar.

Dalam usaha meningkatkan rangsangan motivasi pelajar, guru perlu menyampaikan pelajaran secara aktif dan menyeronokkan. Dari aspek ini, pendidikan jasmani adalah unik. Hampir semua pelajarannya melibatkan kegiatan yang aktif yang boleh menyokong motivasi pelajar. Motivasi pelajar boleh membawa murid-murid berlatih elemen ketangkasan dengan seronok dalam pendidikan jasmani.

Ketangkasan merupakan salah satu komponen dalam kecergasan fizikal yang berkait dengan perlakuan motor atau kemahiran. Ketangkasan adalah kebolehan melakukan pergerakan-pergerakan berturutan ke arah yang berbeza dengan mudah, pantas dan cekap (Teng Boon Tong, 2001). Terdapat pelbagai definisi ketangkasan yang telah diberikan oleh penyelidik yang telah melakukan kajian tentang kajian ketangkasan, antaranya ialah Nelson, et al (1990), menegaskan bahawa ketangkasan melibatkan ketepatan dan kelajuan mengubah arah badan ketika bergerak. Lebih lanjut Ia pula mendefinisikan ketangkasan sebagai keupayaan atau kebolehan bergerak dan menukar arah dengan tepat tanpa kehilanganimbangan dan kelajuan. Selain itu ketangkasan dapat dilatih melalui aktivitas latihan seperti latihan bermain sukan pada kanak-kanak. Keberhasilan latihan bermain sukan sangat berkesan melalui model *teaching games for understanding* (Churcher, 1980). Oleh karenanya guru pendidikan jasman fokus menggunakan model ini untuk memperoleh matlamat ketangkasan dan kemahiran kecergasan fizikal pelajar.

Kompenen lainnya dalam kecergasan fizikal adalah kemahiran asas pergerakan motor. Untuk mencapai matlamat kecekapan penguasaan kemahiran asas pergerakan motor, sukatan mata pelajaran pendidikan jasmani sekolah rendah telah memberi penekanan terhadap peningkatan kecergasan fizikal, kemahiran motor serta kemahiran sukan dan permainan yang merangkumi tiga domain iaitu kognitif, afektif

dan psikomotor untuk membolehkan pelajar memperkembangkan kebolehan dan kemampuan mereka dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek (Norkhalid, 2011).

Sementara itu penguatan kognitif akan sangat berkesan menggunakan model Inquiri. Moreno, Vera dan Cervello (2006) menyatakan bahwa seorang guru pendidikan jasmani berperanan penting dalam mewujudkan persekitaran bilik darjah yang menggalakkan amalan yang aktif baik di dalam dan di luar bilik darjah. Teori *self-direction* pula menerangkan bagaimana guru boleh menguatkan kognitif melalui inquiri (rasa penasaran) yang mendorong rasa ingin tahu pelajar untuk mempelajari sukatan pelajaran dengan rajin, sungguh-sungguh. Sokongan belajar yang kuat dalam diri pelajar menurut Frederick & Ryan, (1995) disebut *self-direction*. Sedangkan menurut Dimiyati dan Mudjiono (2009) memasukkan perilaku ini kedalam elemen-elemen motivasi yang berlaku dalam diri pelajar yang dapat diukur. Pengukuran elemen-elemen ini banyak dilakukan oleh *expert* penelitian motivasi intrinsik atau *self-direction* (González-Cutre, Sicilia, & Moreno, 2011).

Motivasi ekstrinsik bergantung kepada tahap internalisasi yang diperolehi daripada sumber dalaman atau luaran (Deci & Ryan, 1985, 2000), iaitu, pelajar menjalankan amalan sesuai dengan pengetahuan manfaat yang akan mereka peroleh, atau ingin mendapatkan prestasi tinggi dalam pendidikan jasmani. Sebaliknya, pelajar tidak bermotivasi, sama ada intrinsik atau ekstrinsik apabila pelajar tidak memahami manfaat pendidikan jasmani itu sendiri dan menganggap pendidikan fizikal sebagai satu pembaziran masa (González-Cutre et al., 2011).

Moreno dan Liamas (2007) menyatakan bahawa motivasi dirangsang oleh guru bertindak sebagai faktor penentu dalam membina persepsi. Oleh itu, dalam pembelajaran guru-guru digalakkan menggunakan pelbagai model menarik. Dalam banyak model pengajaran pendidikan fizikal yang boleh digunakan, menurut Metzler (2000) terdapat tujuh model pendidikan jasmani yang boleh digunakan untuk meningkatkan motivasi belajar: (1) model pengajaran langsung, (2) model pembelajaran peribadi, (3) model pembelajaran kerjasama, (4) model pembelajaran pendidikan sukan, (5) kumpulan model pembelajaran, (6) model pembelajaran inquiri, (7) model pembelajaran taktikal atau TGFU.

Dua model terakhir keduanya memiliki kekuatan tersendiri, TGFU dominan fokus pada penguatan pembelajaran melalui kegiatan bermain sukan yang berorientasikan kepada kemahiran gerakan motorik dan penguatan kognitif dalam memainkan taktikal yang tepat untuk memenangkan permainan sukan. Sementara itu model Inquiri lebih pada penguatan kognitifk pelajar secara konstruktivisme yang mendorong motivasi pelajar yang boleh dikur dari perilakunya seperti yang dirumuskan Dimiyati dan Mudjiono (2009) yaitu : *self-direction* (motivasi diri), rajin dan kesungguhan, memiliki rasa keingintahuan yang kuat dan selalu bersungguh-sungguh belajar dan berlatih. Kedua kekuatan ini memiliki target masing-masing, TGFU lebih pada penguatan kecegasan fizikal (motorik) dan taktikal (kognitif) sedangkan inquiri lebih pada penguatan kognitif dan afektif. Yang bila keduanya disepadukan dalam pembelajaran sukan, akan memberikan kesan yang sangat cemerlang bagi penguatan psikomotorik, kognitif, afektif yang membolehkan pelajar memperkembangkan kecergasan fizikal dan motivasi belajar sama ada dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek (Norkhalid, 2011)

1.3. Pernyataan Masalah

Dalam pengajaran ketangkasan, kemahiran gerakan asas motor, kemahiran sukan dan permainan yang merangkumi tiga domain kognitif, afektif dan psikomotor kejayaannya sangat bergantung pada motivasi pelajar. Oleh itu, seorang guru bila ingin meningkatkan motivasi pelajar, hendaklah mereka merancang topik, objektif, isi dan cara penyampaian serta pemarkahan yang sesuai dengan kebolehan sedia ada dan minat pelajar. Ini bermakna penggunaan satu pendekatan sistematik dalam pengajaran hendaklah ditekankan. Pendekatan bermakna '*cara mendekati sesuatu*'. Dalam konteks bilik darjah, pendekatan merujuk kepada cara bagaimana objektif jangka panjang dapat dicapai dalam sesuatu mata pelajaran yang berkesan dan menyokong motivasi pelajar. Oleh itu, pendekatan biasanya merujuk kepada beberapa teori yang berkaitan dengan sifat-sifat semula jadi pelajar. Kemudiannya, ia akan menjadi pegangan dalam sesuatu pengajaran.(Eh Ah Meng, 2002).

Pendidikan Jasmani memainkan peranan penting dalam mempromosikan dan perolehan yang sihat bagi pelajar (Moreno & Llamas, 2007; Nuviala, Gómez-López, Pérez, & Nuviala, 2011). Pendapat ini menganggap bahawa pencapaian objektif dalam persekitaran dengan pencapaian, pelajar bermotivasi untuk mendapatkan kejayaan kecergasan fizikal sebagai kesan dari proses pembelajaran. Persepsi subjektif kejayaan bergantung kepada kriteria yang digunakan untuk menentukan apa yang merupakan kejayaan. Kriteria ini disebabkan oleh faktor peribadi (*dispositional orientation*), faktor sosial dan iklim kontekstual. Tugas itu adalah salah satu cara guru menggalakkan pelajar untuk belajar secara bebas, mengambil bahagian secara aktif, mampu menyelesaikan masalah dan bekerja bersama-sama. Ini bisa digerakkan dengan menggunakan model pembelajaran yang sesuai dengan kebutuhan pelajar. Di sekolah rendah Kabupaten Padang Pariaman model yang sering digunakan adalah model TGFU dan Inquiri.

Pendekatan TGFU sebagai satu pendekatan pembelajaran yang berpusatkan kepada permainan untuk menjawab soalan permainan yang akan dilaksanakan. Teknik ini sering digunakan dalam sebuah permainan. Pendekatan pembelajaran TGFU tertumpu kepada permainan itu sendiri. Menurut Werner et al. (1996), bentuk *Teaching Games for Understanding* (TGFU) boleh menyediakan peluang bermain untuk semua pelajar. Pendekatan TGFU telah diperkenalkan oleh Rod Thorpe dan David Bunker di Universiti Loughborough pada 1970-an dan awal 1980-an. Nama lain untuk pendekatan ini ialah model permainan taktikal (Griffin et al.1997).

Penekatan inquiri adalah model yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar di samping itu juga pada guru. Perkara utama dalam model inquiri ialah pelajar digalakkan untuk terlibat secara aktif melengkapkan perkara kepada kesimpulan (Juliantine, et al. 2013). Kedua-dua model sering digunakan oleh guru-guru pendidikan jasmani di sekolah-sekolah rendah di daerah Padang Pariaman, ternyata kaedah ini belum dapat mewujudkan suasana motivasi pelajar itu sendiri (*self-direction*), ia dilihat dari hasil penyelidikan, mayoritas pelajar berikutan kajian pendidikan fizikal sedia ada di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah, lebih dalam menjalankan tugas-tugas yang diperintahkan guru, tanpa memahami manfaat tugas-tugas ini, jadi pembelajaran yang masih kagum "*hanya mengikuti*" aktiviti,

tidak memberikan iklim kelahiran motivasi pelajar untuk menguasai kemahiran, ketangkasan dan pencapaian yang dijangka dari pengajaran pendidikan fizikal itu sendiri.

Hasil pemerhatian lapangan di beberapa sekolah rendah di Padang Pariaman, didapati bahawa dalam suasana pembelajaran semasa yang dijalankan oleh guru dalam bilik darjah adalah lebih banyak pada aktiviti, di mana gurulah paling dinamik mengawal kelas, namun belum menggalakkan persaingan interpersonal dan jarang memberi *award* sehingga pelajar tidak bermotivasi mengikuti pembelajaran. Oleh itu, ramai pelajar berasa hanya melaksanakan tugas sekedar mencapai matlamat pembelajaran, tidak seronok dalam diri pelajar (motivasi) samaada belajar di dalam bilik darjah maupun belatih di luar bilik darjah. Kondisi ini berdampak pada rendahnya capaian kecergasan fizikal pelajar di akhir kegiatan pelatihan.

